

560

MAHATHIR-BUKU HIJAU

1975

KAWANG, 15 FEB (BERNAMA) -- PELAKSANAAN RANCANGAN BUKU HIJAU DI SEKOLAH-SEKOLAH SEKADAR UNTUK MENYEMAI SEMANGAT +BERBUDI KEPADA TANAH+ DIKALANGAN MURID-MURID SUPAYA MEREKA DAPAT MENERUSKAN USAHA BERCUCUK TANAM APABILA DEWASA KELAK.

MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED BERKATA, LATIHAN BERCUCUK TANAM DI SEKOLAH-SEKOLAH BUKANLAH UNTUK MENCARI PASARAN DAN BERSAINGAN DENGAN MEREKA YANG BERGANTUNG HIDUP DENGAN PERUSAHAAN ITU.

TUJUAN SEBENARNYA TILAH KANAK-KANAK ITU PERLU DIAJAR DAN DIASUH DARI AWAL LAGI SUPAYA MEREKA DAPAT MEMANDANG KEPADA TANAH SEBAGAI SATU PUNCA PENDAPATAN YANG TIDAK PATUT DILUPAKAN.

BELIAU MENYATAKAN DEMIKIAN KETIKA BERCAKAP KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS DIBERI TAKLIMAT DI JABATAN PELAJARAN PERLIS DISINI YANG DISAMPAIKAN OLEH PENGARAH PELAJARAN NEGERI, ENCIK MOHAMED RASHID BIN MOHAMED NOR. -- BERSAMBUNG 1528/YF

568

MAHATHIR-BUKU HIJAU - 2 KANGAR.

KATANYA LAGI, RANCANGAN ITU JUGA BERTUJUAN MENGGALAKAN PARA PELAJAR MENOLONG IBUBAPA MEREKA BERCUCUK TANAM DI KAWASAN RUMAH MASING-MASING.

MENGENAI PELAJARAN MENTERI ITU BERKATA, NEGERI INI BOLEH MENJADI CONTOH BAGAIMANA KERAJAAN MENGAMBIL PERHATIAN BERAT TERHADAP PELAJARAN DI LUARBANDAR.

KEMENTERIANNYA AKAN MEMBELANJA KIRA-KIRA \$10 JUTA UNTUK PELAJARAN DI PERLIS YANG MEMPUNYAI 53 BUAH SEKOLAH RENDAH DAN 12 BUAH SEKOLAH MENENGAH.

SEBELUM ITU BELIAU MENGADAP RAJA DAN RAJA PEREMPUAN PERLIS DI ISTANA ARAH. BELIAU DIIRINGI OLEH MENTERI BESAR, DATUK HAJI JAFFAR HASSAN DAN ISTERI MASING-MASING. -- BERNAMA 1549/YF

501:

MAHATHIR-BUKU HIJAU 3 KANGAR (SAMBONGAN BERITA 568)

BERUCAP KEPADA KIRA-KIRA 600 ORANG PELAJAR SEKOLAH MENENGAH SAINS DI BEHOR PULAI, TIGA BATU DARI SINI, MENTERI PELAJARAN BERKATA HANYA MASYARAKAT YANG BERDISPLIN SAHAJA DAPAT MENGHADAPI MASALAH DENGAN SEMPURNA.

BELIAU LULU MENGINGATKAN PENTINGNYA BAGI KAUM PELAJAR MEMATOH TATA-TERTIB SEKOLAH SUPAYA DAPAT MELAHIRKAN MASYARAKAT YANG KUAT DAN BERDISPLIN.

KATANYA, KERAJAAN MEMBELANJAKAN WANG YANG BANYAK UNTUK PELAJARAN DAN CARA YANG BAIK BAGI PARA PELAJAR MEMBALAS BAKTI INI TILAH DENGAN MENUMPUKAN SEPENUH MASA UNTUK BELAJAR DAN MEMATOH PERATURAN DAN UNDANG-UNDANG SEKOLAH.

DR. MAHATHIR BERKATA PARA PELAJAR SEKOLAH MENENGAH SAINS BERASAMA PENUH ADALAH BERNASIB BAIK.

INI KERANA MEREKA MENDAPAT BERBAGAI KEMUDAHAN PELAJARAN YANG TIDAK DINIKMATI OLEH LAIN-LAIN PELAJAR, TAMBAHNYA.

-- BERNAMA 1610/ZGM